

05 FEB 1999

Dompok-Kerusi

BN NEGERI SEDIA TIMBANG PERMINTAAN TAMBAH CALON WANITA

KOTA KINABALU, 5 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini berkata kepimpinan Barisan Nasional (BN) negeri bersedia menimbang permintaan daripada Pergerakan Wanita Umno agar dua lagi pemimpin pergerakan itu dicalonkan untuk bertanding pada pilihan raya negeri akan datang.

Dompok yang juga Pengerusi BN Negeri berkata semua senarai cadangan calon termasuk daripada wanita dan pemuda kini diteliti oleh pucuk pimpinan parti untuk tujuan pemilihan.

"Kita mempunyai satu kumpulan pergerakan wanita yang cergas di negeri ini...di mana kita lihat, dalam mana-mana pilihan raya penglibatan mereka begitu penting sekali dan kita percaya mereka juga boleh membantu menyumbang tenaga," katanya.

Dompok yang ditemui selepas merasmikan upacara "buka mata singa" di Kuil Tai Pak Kung, Kampung Baru, Putatan, dekat sini berkata demikian ketika mengulas permintaan Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman supaya pergerakan itu diberikan dua lagi kerusi untuk ditandingi pada pilihan raya negeri itu.

Siti Zaharah berkata permintaan rasmi untuk tujuan itu telah dikemukakan kepada Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk pertimbangan.

Satu-satunya anggota wanita Dewan Undangan Negeri Sabah sekarang ialah timbalan Ketua Wanita Umno Negeri Datuk Dayang Mahani Tun Raffaie yang mewakili kawasan Lumadan.

Mengenai pilihan raya negeri, Dompok berkata parti-parti komponen BN negeri telah diarah melantik pengarah operasi masing-masing bagi memantapkan jentera pilihan raya BN.

"Kesemua mereka akan beroperasi di pejabat BN negeri di Putatan. Mereka akan menjalankan tugas di bawah jagaan saya selaku pengerusi BN negeri," katanya.

Dompok berkata BN negeri kini bersedia untuk menghadapi pilihan raya itu yang dijangka diadakan bila-bila masa dari sekarang.

-- BERNAMA

NT LAT